

1984

SANDAKAN, 23 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed mahu rakyat Sabah menganggap diri mereka sebagai rakyat Malaysia yang tidak ada bezanya dengan penduduk Malaysia yang lain, misalnya di Kedah dan Sarawak.

Oleh itu penduduk negeri ini hendaklah sentiasa berfikir sebagai rakyat Malaysia dan memberikan penuh kesayangan kepada negara ini, katanya ketika berucap kepada ribuan penduduk Sandakan yang berhimpun di lapangan terbang untuk menyambut ketibaannya.

Negeri tiba dengan pesawat TUDM dari Wilayah

Labuan untuk lawatan sehari ke sini. Beliau diiringi

oleh Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Ali, pegawai-pegawai kanan persekutuan dan beberapa orang usahawan.

Datuk Seri Sabah Harris Salleh dan Datin Rubiah turut

mengiringi rombongan Perdana Menteri dari Labuan.

Seri Dr. Mahathir menegaskan betapa pentingnya seluruh

rakyat tidak kira dari negeri mana mereka berasal supaya menjaga kepentingan Malaysia agar negara ini dihormati oleh seluruh dunia sebagai negara yang maju, aman dan makmur. -- lagi.

### Mahathir 2 Sandakan

U Seterusnya mengingatkan rakyat supaya bekerja keras untuk membangunkan negeri dan negara kerana tanpa pembangunan hidup mereka tidak akan sempurna.

Katanya, pembangunan tidak akan datang dengan sendirinya tetapi hendaklah diusahakan kerana hasilnya kelak akan dinikmati sendiri oleh rakyat.

Dalam hubungan ini beliau mengingatkan bahawa kerajaan yang mentadbirkan sesebuah negeri hendaklah dipimpin oleh orang-orang yang dedikasi.

Syukurilah di Sabah, negeri ini dipimpin oleh sebuah kerajaan yang berminat untuk membangunkan negeri dan rakyatnya dan kerana itu terdapat pembangunan di mana-mana sahaja di negeri ini, + kata Perdana Menteri.

+ Dengan pembangunan yang dirancang dan dilaksana oleh kerajaan Sabah rakyatnya sudah pasti akan mendapat manfaat yang sk-banyaknya, + katanya. -- lagi.

### Mahathir - Rakyat 3 Sandakan

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata walaupun Sabah dan Sandakan jauh dari Kuala Lumpur, namun Kerajaan Persekutuan sentiasa memberikan perhatian sewajarnya kepada kemajuan dan kesejahteraan rakyat serta negeri ini.

Untuk itu peruntukan-peruntukan telah disediakan oleh kerajaan Persekutuan untuk projek-projek pembangunan termasuk pembinaan Kompleks Lapangan Terbang Sandakan yang baru, yang menurutnya, pernah satu ketika +tenggelam timbul+ kerana keadaan tapak yang lembik dan lembut.

a Perdana Menteri Kerajaan Persekutuan juga telah mengenalpasti beberapa batang jalan yang akan diambilalih oleh pihak Persekutuan untuk ditingkatkan mutunya supaya pada suatu masa kelak penduduk Sabah dapat pergi dari bandar ke bandar dengan jalan darat yang baik selain melalui udara.

Bagaimanapun, beliau berkata rakyat Sabah hendaklah bersabar sedikit memandangkan negara sedang mengalami sedikit kemelesetan ekonomi berbanding dengan kemewahan yang dinikmati oleh kerajaan pada masa-masa lalu.

+ Rakyat Sabah hendaklah bersabar dengan menunggu usaha-usaha yang akan dijalankan oleh kerajaan kerana akhirnya kita semua akan dapat menikmati kesenangan dari pembangunan yang dijalankan itu, + tambahannya. -- lagi

### Mahathir - Rakyat 4 Sandakan

Beliau menyorot kembali lawatan pertamanya ke Sandakan dalam tahun 1965 bersama-sama Allahyarham Tun Abdul Razak ketika Sandakan merupakan sebuah bandar kecil.

Kini, katanya, Sandakan bukan sahaja bandar kedua terbesar di Sabah malah telah menjadi sebuah pusat pembangunan dan perniagaan yang penting di Sabah dan negara.

**Katanya pembangunan** yang sedang rancak dijalankan di sini amat pesat sekali dengan setiap rakyat, tidak kira kaya atau miskin, **batang dan sedang menaikan** peranan masing-masing.

**Seri Dr. Mahathir** gembira kerana dapat sekali lagi menemui penduduk Sandakan dan berjanji akan datang lebih kerap lagi.

**Ketibaan Perdana Menteri** dan rombongan disambut dengan begitu meriah sekali oleh penduduk tempatan dengan iringan peluan kompang dan perarakan bunga manggar.

Sebelum itu, di Lapangan Terbang Labuan beliau diberi ucapan selamat jalan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Shahrir Abdul Samad, Timbalannya Encik Ahmad Shah Tambakau, Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar Haji Yahya Lampong, Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Dr. Elyas Omas dan pembesar tempatan yang lain.  
-- Bernama.